

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

Kenyataan media
Press Release



27 Julai 2022
UNIMAS Corporate
Chancellory Division
Universiti Malaysia Sarawak
94300 Kota Samarahan
Tel +60 82 51216
Fax +60 82 665088

PERSIDANGAN ANTARABANGSA KE-18 TENAGA BERSIH 2022 (INTERNATIONAL CONFERENCE ON CLEAN ENERGY 2022)

KUCHING, 27 Julai 2022 : Upacara perasmian Persidangan Antarabangsa Ke-18 Tenaga Bersih 2022 (International Conference on Clean Energy 2022) telah berlangsung di Borneo Convention Centre Kuching (BCCK), Sarawak anjuran Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

Upacara perasmian ini telah dirasmikan oleh YB Dr. Haji Hazland bin Abang Hipni, Timbalan Menteri Tenaga dan Kelestarian Alam Sekitar Sarawak, pada jam 10.00 pagi di Borneo Convention Centre Kuching (BCCK), Sarawak pada pagi tadi.

Organisasi yang membantu dalam pelaksanaan persidangan tersebut ialah Institut Penyelidikan Tenaga Bersih (CERI), Universiti Miami, Biro Konvensyen Sarawak (SCB) dan Biro Konvensyen dan Pameran Malaysia (MyCEB). Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) bertindak sebagai rakan strategik untuk persidangan ini.

Persidangan ini juga diadakan selama dua (2) hari bermula pada 27 Julai hingga 28 Julai 2022. Persidangan sebegini merupakan konferens yang dinanti-nantikan kerana ia merupakan platform bagi penyelidik universiti, penggubal dasar dan industri yang menyokong peranan utama dalam memastikan kelestarian sumber tenaga. Pertemuan ilmu ini seharusnya digunakan sepenuhnya kerana isu tenaga alternatif, terutamanya tenaga bersih, merupakan isu yang mesti diambil berat demi kepentingan dan kesejahteraan semua rakyat.

Dalam keadaan beberapa buah negara di dunia yang sedang bergolak dan berperang, bekalan sumber tenaga turut terjejas. Keadaan ini menunjukkan bahawa banyak negara di dunia masih belum bersedia dengan sumber tenaga alternatif untuk menggantikan sumber tenaga seperti bahan api fosil - arang batu, minyak, dan gas. Malaysia mesti mengusahakan sumber tenaga alternatif agar bekalan sumber tenaga kekal mencukupi dan pembangunan serta ekonomi negara ini dapat diteruskan dan dikekalkan. Sumber tenaga alternatif yang dimaksudkan pastinya merujuk kepada sumber tenaga bersih seperti yang dinyatakan dalam persidangan ini.

Sumber tenaga alternatif ini sebenarnya adalah pilihan kuasa termurah di kebanyakan negara di dunia. Dipetik daripada sumber

yang sama, elektrik murah daripada sumber tenaga bersih dan boleh diperbaharui ini boleh membekalkan 65 peratus daripada jumlah bekalan elektrik dunia menjelang 2030. Dengan jumlah bekalan ini, 90 peratus daripada sektor tenaga boleh dinyahkarbon menjelang 2050, dan karbon berskala besar pelepasan boleh dikurangkan dan perubahan iklim dapat dikurangkan.

U N I M A S